

ARTIKEL MAJUTAN JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA BAGI JULAI HINGGA DISEMBER 2024

BENGKEL HUTAN TANAH KERAJAAN (HTK) KE HUTAN SIMPANAN KEKAL (HSK) NEGERI PERAK BILANGAN 2 TAHUN 2024- PENGEMASKINIAN MAKLUMAT RIZAB PERKAMPUNGAN ORANG ASLI DAN RIZAB MELAYU

**DISEDIAKAN OLEH:
AZHAR BIN ANUAR
JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK**

TAIPING, 18– 19 NOVEMBER 2024

Hutan hujan tropika yang terdapat di seluruh Malaysia merupakan khazanah negara yang penting dalam menjamin kestabilan ekosistem di peringkat domestik, serantau dan global selain turut menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi negara. Justeru, kawasan hutan yang masih ada di negara ini perlu diuruskan secara sistematik kerana sekiranya dibiarkan tanpa kawalan, ia akan menggugat kestabilan alam sekitar termasuk kepelbagaian biologi dan ekosistem yang terdapat di dalamnya. Malaysia komited dalam memelihara dan memulihara kawasan berhutan dan khazanah kepelbagaian biologinya demi mengekalkan sekurang-kurangnya 50 peratus daripada keluasan tanah negara dilitupi pokok-pokok dan kawasan hutan selaras dengan komitmen negara semasa Sidang Kemuncak Bumi di Rio de Janeiro, Brazil pada 1992.

Menyedari kepentingan hutan dan sasaran 50% daripada keluasan negara adalah kawasan berhutan dan dilitupi pokok, maka Jabatan Perhutanan Negeri Perak mengambil inisiatif untuk menganjurkan Bengkel Hutan Tanah Kerajaan (HTK) ke Hutan Simpanan Kekal (HSK) Negeri Perak Bilangan 2 Tahun 2024- Pengemaskinian Maklumat Rizab Perkampungan Orang Asli Dan Rizab Melayu pada 18 hingga 19 November 2024 bertempat di Hotel Grand Baron, Taiping. Inisiatif ini adalah selari dengan komitmen jitu Kerajaan Negeri sepertimana digariskan dalam Rancangan Fizikal Negara (RFN) Ke- 4, Strategi Pelaksanaan 21.1 dalam Rancangan Struktur Negeri Perak 2040 serta Pelan Perak Sejahtera 2030.

Penganjuran Bengkel Hutan Tanah Kerajaan (HTK) ke Hutan Simpanan Kekal (HSK) Negeri Perak Bilangan 2 Tahun 2024 - Pengemaskinian Maklumat Rizab

Perkampungan Orang Asli Dan Rizab Melayu ini bertujuan untuk mengemaskini dan mengumpulkan maklumat kedudukan perizaban Perkampungan Orang Asli serta Rizab Melayu. Dengan pengumpulan maklumat-maklumat ini, Jabatan Perhutanan Negeri Perak akan mendapat maklumat yang lebih jelas dan berintegriti untuk mengenalpasti kawasan berhutan yang berpotensi untuk diwartakan sebagai HSK yang baharu. Usaha murni ini merupakan aktiviti yang selari dengan kehendak Strategi Pelaksanaan 21.1 di bawah Rancangan Struktur Negeri Perak 2024 dan Agenda Kelestarian Alam Sekitar di bawah Pelan Perak Sejahtera 2030 untuk mencapai 50 peratus daripada keluasan Negeri Perak merupakan kawasan berhutan. Antara pengisian program di dalam bengkel ini adalah ceramah/taklimat dan perbincangan kumpulan mengikut daerah hutan. Penganjuran bengkel ini juga adalah selari dengan Tindakan 5.1b bagi Inisiatif Pelaksanaan 5 di bawah PIRECFS 2022 iaitu untuk Mengukuhkan Peruntukan Undang-undang Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313].



Gambar 1: Taklimat Penerangan Bengkel Hutan Tanah Kerajaan (HTK) ke Hutan Simpanan Kekal (HSK) Negeri Perak Bilangan 2 Tahun 2024- Pengemaskinian Maklumat Rizab Perkampungan Orang Asli Dan Rizab Melayu



Gambar 2: Perasmian Bengkel Hutan Tanah Kerajaan (HTK) ke Hutan Simpanan Kekal (HSK) Negeri Perak Bilangan 2 Tahun 2024- Pengemaskinian Maklumat Rizab Perkampungan Orang Asli Dan Rizab Melayu



Gambar 3: Perbincangan Bengkel Hutan Tanah Kerajaan (HTK) ke Hutan Simpanan Kekal (HSK) Negeri Perak Bilangan 2 Tahun 2024- Pengemaskinian Maklumat Rizab Perkampungan Orang Asli Dan Rizab Melayu



Gambar 4: Perbincangan Bengkel Hutan Tanah Kerajaan (HTK) ke Hutan Simpanan Kekal (HSK) Negeri Perak Bilangan 2 Tahun 2024- Pengemaskinian Maklumat Rizab Perkampungan Orang Asli Dan Rizab Melayu



Gambar 5: Perbincangan Bengkel Hutan Tanah Kerajaan (HTK) ke Hutan Simpanan Kekal (HSK) Negeri Perak Bilangan 2 Tahun 2024- Pengemaskinian Maklumat Rizab Perkampungan Orang Asli Dan Rizab Melayu



Gambar 6: Perbincangan Bengkel Hutan Tanah Kerajaan (HTK) ke Hutan Simpanan Kekal (HSK) Negeri Perak Bilangan 2 Tahun 2024- Pengemaskinian Maklumat Rizab Perkampungan Orang Asli Dan Rizab Melayu



Gambar 7: Pembentangan Kumpulan Bengkel Hutan Tanah Kerajaan (HTK) ke Hutan Simpanan Kekal (HSK) Negeri Perak Bilangan 2 Tahun 2024- Pengemaskinian Maklumat Rizab Perkampungan Orang Asli Dan Rizab Melayu



Gambar 8: Pembentangan Rumusan Bengkel Hutan Tanah Kerajaan (HTK) ke Hutan Simpanan Kekal (HSK) Negeri Perak Bilangan 2 Tahun 2024- Pengemaskinian Maklumat Rizab Perkampungan Orang Asli Dan Rizab Melayu